

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI  
[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana penerapan nilai agama dilaksanakan bagi mengubati penyakit yang berkaitan masalah mental.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Penyakit mental di hospital-hospital Kementerian Kesihatan di Malaysia dirawat dengan menggunakan kaedah perawatan moden yang telah diiktiraf dan terbukti keberkesanannya (*evidence-based*) menggunakan rawatan ubat-ubatan, terapi psikososial, pendidikan terhadap pesakit dan keluarga serta program rehabilitasi yang dijalankan di hospital-hospital dan MENTARI. Penerapan nilai agama dalam rawatan ini dilihat baik bagi penyembuhan penyakit mental secara holistik dan menyeluruh. Namun begitu, pegawai agama hospital tidak terlibat dalam perawatan penyakit mental secara *direct* dan berterusan. Mereka bukan sebahagian daripada pasukan rawatan klinikal psikiatri dan tidak bertauliah untuk merawat. Namun, pakar psikiatri ada merujuk kes-kes untuk bimbingan dan nasihat agama kepada pegawai agama sebagai khidmat sokongan.

Sekian, terima kasih.